

MASALAH PENGUMPULAN DATA DI SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA
BERHAD DALAM PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI
SELANGOR

CHAN CHING YENG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MASALAH PENGUMPULAN DATA DI SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA
BERHAD DALAM PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI
SELANGOR

CHAN CHING YENG

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2006

Teristimewa Buat

Ibu Bapa, Abang dan Kedua-dua Adik yang Tersayang

*Terima Kasih Atas Segalanya,
Sayang Di Hati, Jaya Di Sini.*

PENGHARGAAN

Di sini, saya ingin bersyukur kepada tuhan kerana saya telah berjaya menyiapkan Projek Sarjana ini walaupun terdapat pelbagai kesukaran dalam melaksanakannya. Dengan kesempatan yang ada ini, saya ingin menggulungkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ke atas segala bantuan, tunjuk ajar dan pertolongan daripada orang perseorangan yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam melicinkan dan menjayakan projek ini, terutamanya kepada Dr. Hajjah Asiah Binti Othman dan P.M. Dr. Buang Bin Alias selaku penyelia saya yang telah banyak memberi bimbingan dan bantuan yang bernas kepada saya untuk memula dan menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak responden kajian ini iaitu, semua pihak SPNB terutamanya pihak eksekutif di bahagian projek dan pihak pemaju kajian kes. Mereka telah banyak memberi kerjasama kepada saya untuk mengumpul data primer kajian yang dikehendaki, seterusnya membantu saya menyiapkan projek ini dengan jayanya. Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Sekolah Pengajian Siswazah yang memberi bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa kepada saya untuk meneruskan kajian ini sehingga habis. Selain itu, tidak lupa juga kepada ibubapa dan keluarga saya yang telah banyak mendorong saya dari segi fizikal dan mental. Pendorongan ini telah memberi satu galakan dan sokongan kepada saya untuk meneruskan projek ini sehingga habis. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menolong saya dalam menyempurnakan Projek Sarjana ini.

ABSTRAK

Salah satu langkah penyelesaian masalah projek perumahan terbengkalai ialah menjalankan tindakan pemulihan ke atas projek tersebut. Tumpuan utama kajian ini telah diberi kepada tindakan pemulihan projek perumahan terbengkalai yang dijalankan oleh pihak SPNB dengan menfokus kepada kerja pengumpulan data yang dijalankan di peringkat kajian awalan pemulihan. Kerja pengumpulan data diberi penumpuan, kerana kegagalan kerja ini telah melambatkan kajian awalan yang dijalankan dan menyebabkan projek dikeluarkan daripada pemantauan SPNB. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji permasalahan pengumpulan data yang dihadapi oleh pihak SPNB, seterusnya mencadangkan kaedah untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Kaedah temu ramah bersemuka dan melalui panggilan telefon telah digunakan untuk mengumpul data primer yang diperlukan. Pihak eksekutif bahagian projek SPNB telah dipilih sebagai pihak yang ditemu ramah bagi kedua-dua kaedah ini. Selain itu, satu lagi pihak yang ditemu ramah melalui panggilan telefon ialah pihak pemaju yang terlibat dalam kajian kes. Kajian kes yang dipilih ialah projek pemulihan SPNB di Negeri Selangor yang berada di peringkat kajian awalan. Dari segi analisis, kaedah analisis kualitatif yang didapati sesuai untuk menghuraikan sesuatu fenomena dengan lebih jelas telah digunakan. Secara ringkasnya, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa, pihak SPNB menghadapi empat masalah pengumpulan data yang meliputi masalah kerjasama daripada pihak pemaju, data tidak lengkap di agensi lain, ketidaksesuaian penggunaan kaedah borang maklumat dan ketidakadaan kuasa undang-undang. Keempat-empat masalah ini bukan sahaja melambatkan keseluruhan proses pemulihan yang dijalankan, namun menyebabkan projek dikeluarkan daripada pemantauan SPNB. Oleh itu, beberapa langkah penyelesaian seperti mengajurkan ceramah kesedaran dan menggunakan kaedah temu ramah sebagai kaedah pengumpulan data telah dicadangkan untuk membantu pihak SPNB mengatasi masalah ini, supaya dapat memudahkan kerja pengumpulan data yang dijalankan dan mempercepatkan keseluruhan proses pemulihan serta mengelakkan projek dikeluarkan daripada pemantauan SPNB.

ABSTRACT

Project rehabilitation is one of the solutions for the problem of abandoned housing project. Area of study for this research was only focused on the rehabilitation of abandoned housing project by SPNB which more emphasized on the data collection at preliminary stage. This is because; failure of this works will effect the preliminary study process and cause the project to be out from SPNB action. Therefore, this research is aim to study what kind of data collection problem faced by SPNB and how to solve the problems. Method of face to face interview was used to collect primary sources from SPNB executive who placed in project division. Beside that, method of interview by phone was used to collect other primary sources not only from SPNB executive who placed in project division, but also from developers who involve in case study. The rehabilitation project in Selangor which in preliminary stage was choose as case study in this research. However, method of qualitative analysis was used to analyze the primary sources in this study. In short, the analysis result indicate that, SPNB was facing four problems when collecting data in preliminary stage which include problem of developer cooperation, incomplete data from agency involve, unsuitable information form method and legal power problem. These problems not only removed the project out of SPNB rehabilitation action, it also can effect the time which needed to complete the project. Therefore, some of the solution such as campaign realization was suggested to help SPNB overcome these problems. These suggestions not only will help SPNB to smooth the rehabilitation process, but also will help to prevent the project removed from SPNB rehabilitation action.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	2
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Organisasi Bab	9
	1.7.1 Bab 1: Pendahuluan	10
	1.7.2 Bab 2: Metodologi Kajian	10
	1.7.3 Bab 3: Langkah-langkah Penyelesaian Masalah Projek Perumahan Terbengkalai	11

1.7.4	Bab 4: Tindakan Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang Dijalankan oleh Pihak SPNB	11
1.7.5	Bab 5: Kajian Kes	12
1.7.6	Bab 6: Analisis Masalah Pengumpulan Data Di SPNB dan Sebab Kegagalan Pemberian Kerjasama oleh Pemaju	12
1.7.7	Bab 7: Cadangan Penyelesaian dan Kesimpulan	13
2	METODOLOGI KAJIAN	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Rekabentuk Kajian	15
2.3	Kaedah Kajian yang Digunakan	17
2.4	Kaedah Temu Ramah	20
2.4.1	Kaedah Temu Ramah Secara Bersemuka	21
2.4.2	Kaedah Temu Ramah Melalui Panggilan Telefon	24
2.5	Pemilihan Kajian Kes	26
2.6	Instrumentasi	28
2.7	Perancangan dan Perlaksanaan Temu Ramah	29
2.8	Analisis Kajian	31
2.9	Kesimpulan	33
3	LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN MASALAH PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI	
3.1	Pengenalan	35
3.2	Konsep Perumahan	36
3.3	Konsep Projek Perumahan Terbengkalai	38
3.4	Langkah-langkah Penyelesaian Masalah Projek Perumahan Terbengkalai	40
3.4.1	Langkah Mengelakkan Dari Berlakunya Projek Perumahan	

Terbengkalai	40
3.4.1.1 Menggunakan Akta Pemaju Perumahan	40
3.4.1.2 Melalui Akuan Pemaju Perumahan	43
3.4.1.3 Menawarkan Kemudahan Pembiayaan Kewangan	44
3.4.1.4 Mengurangkan Kos Pembangunan	46
3.4.1.5 Menggalakkan Amalan Konsep “Jual Selepas Bina”	47
3.4.2 Langkah Mengatasi Masalah Projek Perumahan Terbengkalai	49
3.4.2.1 Tindakan Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai di Malaysia	50
3.4.2.2 Tindakan Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai di Negara Lain	51
3.5 Kesimpulan	53

4 TINDAKAN PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI YANG DI DIJALANKAN OLEH SPNB

4.1 Pengenalan	54
4.2 Latar Belakang SPNB	55
4.3 Peranan dan Bidang Kerja SPNB	55
4.4 Bahagian Pemulihan Projek SPNB	57
4.5 Tindakan Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang Dijalankan oleh SPNB	61
4.5.1 Proses Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai	63
4.5.2 Masalah-masalah Pemulihan yang Dihadapi	70

4.5.2.1	Masalah Pengumpulan Data	71
4.5.2.2	Masalah Pinjaman Pihak Pemaju	72
4.5.2.3	Masalah Status Hakmilik Tanah	73
4.5.2.4	Masalah Tindakan Mahkamah	74
4.5.2.5	Masalah Syarat-syarat Pembangunan Baru	75
4.5.2.6	Masalah Pihak Juruperunding	76
4.5.3	Kegunaan dan Kepentingan Data yang Dikumpul di Peringkat Kajian Awalan Pemulihan	76
4.6	Kesimpulan	83
5	KAJIAN KES	
5.1	Pengenalan	85
5.2	Senario Projek Perumahan Terbengkalai di Selangor	85
5.3	Latar Belakang Kajian Kes	89
5.3.1	Lokasi Kajian Kes	91
5.3.2	Jenis Pembangunan Kajian Kes	91
5.3.3	Punca Terbengkalai Kajian Kes	93
5.3.4	Peringkat Pemulihan Kajian Kes	93
5.4	Kesimpulan	94
6	ANALISIS MASALAH PENGUMPULAN DATA DI SPNB DAN SEBAB KEGAGALAN PEMBERIAN KERJASAMA OLEH PEMAJU	
6.1	Pengenalan	95
6.2	Kaedah Pengumpulan Data Primer	96
6.3	Kaedah Analisis Kajian	97
6.4	Analisis Masalah Pengumpulan Data yang Dihadapi oleh Pihak SPNB	98
6.4.1	Masalah Kerjasama Pihak Pemaju Dalam Memberi Data yang Diminta	99
6.4.2	Data Tidak Lengkap di Agensi Lain	103

6.4.3	Ketidaksesuaian Penggunaan Kaedah Borang Maklumat	105
6.4.4	Ketidakadaan Kuasa Undang-undang	110
6.4.5	Masalah Pengumpulan Data Secara Keseluruhan	113
6.5	Analisis Sebab Kenapa Pihak Pemaju Tidak Memberi Kerjasama kepada Pihak SPNB untuk Mengumpul Data yang Diperlukan	115
6.5.1	Bukan Urusan Sendiri	117
6.5.2	Mengelakkan Tuntutan Para Pembeli	118
6.5.3	Sibuk Dengan Kerja Sendiri	119
6.5.4	Data Telah Hilang	120
6.6	Penemuan Kajian	121
6.7	Kesimpulan	124
7	CADANGAN PENYELESAIAN DAN KESIMPULAN	
7.1	Pengenalan	126
7.2	Cadangan Penyelesaian	127
7.2.1	Menganjurkan Ceramah dan Kempen Kesedaran	127
7.2.2	Membantu Mengadakan Perundingan dengan Para Pembeli	129
7.2.3	Mengumpul Data Sebaik Sahaja Projek Menjadi Terbengkalai	130
7.2.4	Menggunakan Cara Pengumpulan Data Lain	131
7.3	Rumusan Kajian	133
7.4	Permasalahan dan Limitasi Kajian	139
7.5	Cadangan Kajian Lanjutan	141
7.6	Kesimpulan	142
	BIBLIOGRAFI	147
	LAMPIRAN A – C	155 – 178

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Bilangan Projek Pemulihan SPNB yang Berada di Peringkat Kajian Awalan di Setiap Negeri Sehingga 30 Julai 2004	27
4.1	Status Projek Perumahan Terbengkalai yang Sedang Dipulihkan di Seluruh Malaysia Sehingga 30 Julai 2003	62
4.2	Status Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai oleh SPNB Sehingga 30 Julai 2003	69
5.1	Status Projek Perumahan Terbengkalai di Selangor Sehingga 30 Julai 2004	87
5.2	Status Projek Perumahan Terbengkalai Selangor yang Dipulihkan oleh Pihak SPNB Sehingga 30 Julai 2004.	88
5.3	Latar Belakang Projek Pemulihan SPNB di Negeri Selangor yang Berada di Peringkat Kajian Awalan	89
6.1	Masalah Kerjasama Pihak Pemaju dalam Memberi Data yang Diminta yang Dihadapi oleh Kajian Kes	100
6.2	Masalah Data Tidak Lengkap di Agensi Lain yang Dihadapi oleh Kajian Kes	104
6.3	Masalah Ketidaksesuaian Penggunaan Kaedah Borang Maklumat yang Dihadapi oleh	

	Kajian Kes	108
6.4	Masalah Ketidakadaan Kuasa Undang-undang yang Dihadapi oleh Kajian Kes	112
6.5	Masalah Pengumpulan Data yang Dihadapi oleh Kajian Kes	113
6.6	Sebab Pihak Pemaju Kajian Kes Tidak Memberi Kerjasama kepada Pihak SPNB untuk Mengumpul Data di Peringkat Kajian Awalan	116

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Struktur Organisasi SPNB	58
4.2	Carta Aliran Peringkat Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai oleh SPNB	64
4.3	Carta Aliran Proses Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai di Peringkat Perlaksanaan	68

SENARAI SINGKATAN

CFO	–	Sijil Layak Menduduki
HANDS	–	<i>Housing And Neighborhood Development Services</i>
HDAM	–	<i>Housing Developer Association Malaysia</i> (Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia)
HPD	–	<i>Housing Preservation and Development</i>
JKSPP	–	Jawatankuasa Skim Pemulihan Projek Terbengkalai
KPKT	–	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LAD	–	<i>Late Accessibility Delivery</i> (Denda Lewat Serah Kemudian)
MKD	–	Menteri Kewangan Diperbadankan
NAPIC	–	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara
PBT	–	Pihak Berkuasa Tempatan
SPNB	–	Syarikat Perumahan Negara Berhad
TPPPT	–	Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai
UK	–	<i>United Kingdom</i>
US	–	<i>United States</i>
UTM	–	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Temu Ramah	155
B	Maklumat Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad	160
C	Keratan Akhbar	166

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masalah projek perumahan terbengkalai merupakan salah satu masalah perumahan yang masih wujud sehingga kini. Ia merupakan projek perumahan di mana kerja pembinaan atau fasa pembangunan projek telah tergendala atau terhenti dalam jangka masa yang munasabah. Masalah ini dikesan sejak tahun 1983. Menurut laporan tahunan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) 2003 dan kertas kerja bahagian pengawasan dan penguatkuasa Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tahun 2004, sehingga pertengahan tahun 2004, terdapat 743 projek perumahan dikesan terbengkalai yang melibatkan sebanyak 194,052 unit rumah dan bernilai RM 16,052.895 juta.

Salah satu langkah penyelesaian yang dijalankan untuk mengatasi masalah ini ialah tindakan pemulihan projek perumahan terbengkalai. Menurut SPNB (2003) dan KPKT (2004), sehingga 30 Julai 2004, projek perumahan terbengkalai yang berjaya dipulihkan telah mencatatkan bilangan sebanyak 436 projek di seluruh Malaysia yang melibatkan 80,764 unit rumah iaitu, sebanyak 58 peratus dari jumlah projek yang dikenalpasti terbengkalai. Manakala jumlah projek yang sedang

dipulihkan ialah sebanyak 212 projek yang mencatatkan peratusan keseluruhan sebanyak 29 peratus dan projek yang telah diambil alih oleh pihak SPNB untuk dipulihkan ialah sebanyak 173 projek yang mencatatkan peratusan keseluruhan sebanyak 23 peratus.

1.2 Penyataan Masalah

Tindakan pemulihan projek perumahan terbengkalai boleh dilaksanakan sama ada oleh pihak kerajaan atau pemaju swasta. Ia bertujuan untuk meneruskan kerja pembangunan yang separuh siap di tapak projek sehingga siap sepenuhnya. Menurut Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, dalam usaha untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai, kita perlu menggunakan semua kaedah yang ada dan perlu mengadakan satu perundingan yang berkesan di antara pihak pemaju, pembeli dan juga tuan tanah. Ini akan dapat mewujudkan satu suasana yang harmoni dalam menjalankan tindakan tersebut (www.parti-pas.org, 24/5/2002).

Usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai dapat memberi semula harapan kepada para pembeli dengan memulangkan hak pemilikan rumah kepada mereka (Chin, 2001). Seterusnya, menurut bekas pengerusi SPNB, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, jika sebanyak 500 projek perumahan terbengkalai telah siap dipulihkan, ia akan dapat menjana atau mengerakkan aktiviti ekonomi yang berjumlah sebanyak RM 15 juta. Menurut kajian yang dijalankan, RM 11 juta dari RM 15 juta aktiviti ekonomi adalah merangkumi pinjaman pembiayaan, bahan-bahan bangunan, sumber manusia, landskap dan sebagainya. Selebihnya RM 4 juta adalah dijana menerusi kerja-kerja pemulihan yang melibatkan industri bersaiz kecil dan sederhana (Jailani Harun, 2001).

Salah satu pihak kerajaan yang terlibat dalam tindakan pemulihan projek perumahan terbengkalai ialah SPNB. SPNB merupakan pihak yang dilantik oleh Kementerian Kewangan sebagai agensi yang mengimplementasikan projek perumahan terbengkalai di bawah Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai (TPPPT). Perlantikan ini termaktub dalam Pembentangan Belanjawan Negara pada tahun 2001 (Syarikat Perumahan Negara Berhad, 2003). Untuk menjalankan tugas pemulihan, pihak SPNB akan bekerjasama dengan pihak KPKT. Pihak KPKT akan menjalankan kajian kemungkinan untuk menentukan projek perumahan terbengkalai yang sesuai dipulihkan di seluruh Malaysia, seterusnya menyerahkan projek tersebut kepada pihak SPNB untuk menjalankan tindakan pemulihan (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2001).

Apabila pihak SPNB telah menerima senarai projek perumahan terbengkalai yang sesuai dipulihkan daripada pihak KPKT, pihak SPNB akan melaksanakan tindakan pemulihan yang secara prosedurnya perlu melalui tiga peringkat utama iaitu, peringkat kajian awalan, kajian lanjutan dan perlaksanaan. Di peringkat kajian awalan, pihak SPNB akan mengumpul data yang berkaitan dengan projek yang hendak dipulihkan daripada pihak-pihak yang terlibat terutamanya pihak pemaju lepas. Data projek yang dikumpul di peringkat kajian awalan adalah digunakan oleh pihak SPNB untuk memudah dan melancarkan kerja pemulihan nanti (Syarikat Perumahan Negara Berhad, 2004a).

Melalui penyelidikan awalan yang dijalankan, didapati pihak SPNB akan mengumpul sebanyak 20 data di peringkat kajian awalan. Antara data yang paling peting dikumpul ialah maklumat pembeli, baki bayaran pembeli yang belum dituntut, punca terbengkalai projek, jumlah pinjaman tertunggak bersama institusi kewangan dan denda lewat penyerahan projek. Maklumat pembeli akan dapat membantu pihak SPNB menghubungi para pembeli projek untuk mendapatkan persetujuan pemulihan daripada mereka. Persetujuan ini akan memberi kuasa kepada SPNB untuk menjalankan kerja pemulihan ke atas rumah pembeli. Menurut polisi SPNB yang ditetapkan, sekurang-kurangnya 70 peratus persetujuan pembeli perlu diperolehi

sebelum memulakan kerja pemulihan di tapak projek. Oleh itu, data ini adalah penting dikumpul.

Kemudian, baki bayaran pembeli yang belum dituntut merupakan salah satu sumber pembiayaan projek pemulihan. Oleh itu, ia adalah penting dikumpul, kerana kegagalan pengumpulan data ini boleh membebankan pihak SPNB dalam membiayai projek pemulihan. Di samping itu, punca terbengkalai projek, jumlah pinjaman tertunggak bersama institusi kewangan dan denda lewat penyerahan projek juga merupakan bentuk halangan pemulihan kepada pihak SPNB. Oleh itu, pihak SPNB perlu mengenalpasti bentuk halangan ini terlebih dahulu, seterusnya mengatasi semua halangan pemulihan yang wujud bagi melancarkan kerja pemulihan nanti. Merujuk kepada kegunaan data yang diterangkan, dapat dikatakan bahawa data projek yang dikumpul di peringkat kajian awalan adalah amat penting dan ia merupakan maklumat asas yang digunakan oleh pihak SPNB untuk meneruskan kerja pemulihan yang dijalankan. Tetapi masalah yang timbul di sini ialah, semasa menjalankan penyelidikan awalan di SPNB dan merujuk kepada laporan tahunan Bahagian Pemulihan Projek SPNB 2003, didapati pihak SPNB menghadapi pelbagai masalah pengumpulan data semasa menjalankan kajian awalan.

Masalah yang dihadapi telah menyebabkan sebahagian data yang diperlukan gagal dikumpul oleh pihak SPNB, seterusnya menyebabkan projek yang hendak dipulihkan dikeluarkan daripada pemantauan SPNB. Didapati, maklumat pembeli merupakan antara data yang paling sukar dikumpul. Ini kerana, pihak pemaju akan merahsiakan maklumat ini untuk mengelakkan masalah tuntutan daripada para pembeli. Akibat itu, pihak SPNB akan menghadapi masalah untuk menghubungi para pembeli di peringkat seterusnya. Akhirnya, bilangan persetujuan pemulihan daripada para pembeli yang ditetapkan akan gagal diperolehi dan ini akan menyebabkan projek dikeluarkan daripada pemantauan SPNB.

Selain dari maklumat pembeli, punca terbengkalai projek, jumlah unit telah dijual dan maklumat lain yang lebih lengkap di pihak pemaju juga menjadi sukar

untuk dikumpul apabila pihak pemaju enggan memberi kerjasama. Tambahan pula, walaupun sebahagian data yang gagal dikumpul daripada pihak pemaju boleh dikumpul daripada agensi lain yang terlibat dalam projek, tetapi ketidaklengkapan data di agensi lain juga sama menyebabkan pihak SPNB gagal mengumpul semua data yang diperlukan di peringkat kajian awalan. Kegagalan pengumpulan data yang lengkap akibat dari masalah pengumpulan yang dihadapi akan menyukarkan kerja pemulihan nanti. Akibat dari itu, pihak SPNB akan mengeluarkan projek itu daripada pemantauan SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad, 2003). Menurut status projek pemulihan SPNB pada 31/7/2004, terdapat sebanyak 39 projek perumahan terbengkalai yang hendak dipulihkan telah dikeluarkan daripada pemantauan SPNB yang mencatatkan peratusan keseluruhan sebanyak 22.5 peratus (www.spnb.com.my, 2005).

Selain itu, masalah pengumpulan data yang dihadapi oleh pihak SPNB juga telah memanjangkan tempoh masa kajian awalan yang digunakan, seterusnya melambatkan keseluruhan proses pemulihan yang dijalankan oleh pihak SPNB. Akibat dari itu, pelbagai masalah sampingan telah timbul seperti masalah tuntutan rumah daripada para pembeli. Oleh itu, masalah pengumpulan data ini perlu ditangani dengan secepat mungkin, supaya pihak SPNB dapat mengumpul data projek yang diperlukan dengan lebih cepat dan lengkap. Ini akan dapat mengelakkan projek yang hendak dipulihkan dikeluarkan daripada pemantauan SPNB, seterusnya memendekkan tempoh masa kajian awalan yang digunakan bagi mempercepatkan tindakan pemulihan yang dijalankan.

1.3 Matlamat Kajian

Mencadangkan kaedah penyelesaian masalah pengumpulan data bagi melancarkan dan mempercepatkan proses pemulihan yang dijalankan serta

mengelakkan projek yang hendak dipulihkan dikeluarkan daripada pemantauan SPNB.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian berikut telah ditetapkan untuk memastikan matlamat kajian yang ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya:-

- i. Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak SPNB dalam usaha untuk mengumpul data projek yang diperlukan di peringkat kajian awalan pemulihan;
- ii. Mengkaji sebab-sebab kenapa pihak pemaju gagal memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak SPNB untuk mengumpul data projek yang diperlukan di peringkat kajian awalan pemulihan;
- iii. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian untuk membantu pihak SPNB mengatasi masalah pengumpulan data yang dihadapi di peringkat kajian awalan pemulihan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini adalah berkaitan dengan isu projek perumahan terbengkalai yang lebih menfokus kepada salah satu langkah penyelesaiannya, iaitu tindakan pemulihan projek perumahan terbengkalai. Didapati, tindakan pemulihan projek perumahan

terbengkalai boleh dijalankan sama ada oleh pihak pemaju atau pihak kerajaan. Untuk tujuan kajian ini, tumpuan perhatian hanya diberi kepada tindakan pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak kerajaan sahaja. Untuk menfokuskan lagi tumpuan kajian ini, di antara pihak kerajaan yang terlibat dalam tindakan pemuliharaan projek perumahan terbengkalai, pihak SPNB telah dipilih sebagai tumpuan utama kajian. Justifikasi pemilihan pihak SPNB sebagai tumpuan kajian ialah, pihak SPNB merupakan pihak kerajaan di Malaysia yang masih terlibat dalam tindakan pemuliharaan projek perumahan terbengkalai sehingga kini.

Pihak SPNB merupakan pihak pelaksanaan pemuliharaan projek perumahan terbengkalai yang dilantik oleh Kementerian Kewangan. Dalam usaha untuk menjalankan tindakan pemuliharaan projek perumahan terbengkalai, pihak SPNB akan membahagikan keseluruhan proses pemuliharaan kepada tiga peringkat utama iaitu, peringkat kajian awalan, peringkat kajian lanjutan dan peringkat pelaksanaan. Setiap peringkat mempunyai masalah pemuliharaan sendiri yang dihadapi oleh pihak SPNB. Dalam kajian ini, tumpuan hanya diberi kepada masalah pengumpulan data yang dihadapi di peringkat kajian awalan sahaja. Ini kerana, peringkat ini merupakan penentu sama ada projek berkenaan boleh dipulihkan atau tidak. Jika projek telah ditentukan sebagai tidak sesuai dipulihkan akibat dari masalah pengumpulan data yang dihadapi, maka projek itu tidak akan dapat diteruskan ke peringkat lain. Oleh itu, masalah pengumpulan data yang dihadapi di peringkat kajian awalan adalah perlu dikaji dan diatasi terlebih dahulu, supaya projek itu berupaya diteruskan ke peringkat lain sehingga siap sepenuhnya.

Kajian kes yang dipilih untuk menjalankan penyelidikan ini ialah projek pemuliharaan SPNB di Negeri Selangor yang berada di peringkat kajian awalan pemuliharaan. Justifikasi pemilihan kajian kes ini ialah, Negeri Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai paling banyak projek pemuliharaan SPNB di peringkat kajian awalan yang sesuai dikaji dalam kajian ini. Ini kerana, kajian awalan bagi projek pemuliharaan SPNB di Negeri Selangor telah dijalankan dalam suatu tempoh masa tertentu. Oleh itu, setiap projek di Negeri Selangor telah melalui apa yang hendak dikaji dalam kajian ini seperti masalah pengumpulan data yang dihadapi.

Berbeza dengan projek pemulihan yang baru memulakan kerja pengumpulan data di peringkat kajian awalan, projek sedemikian tidak dapat memberi maklumat yang hendak dikaji dalam kajian ini, kerana apa yang hendak dikaji masih belum dilalui oleh projek tersebut. Oleh itu, projek sedemikian adalah tidak sesuai dipilih sebagai kajian kes.

1.6 Kepentingan Kajian

Penghasilan kajian ini dapat memberi manfaat kepada tiga pihak utama iaitu, pihak SPNB khususnya di bahagian projek, para pembaca dan pengkaji lain. Bagi pihak SPNB, melalui pencapaian objektif kajian pertama yang ditetapkan, pihak eksekutif bahagian projek SPNB akan dapat mengenalpasti dengan lebih jelas tentang jenis masalah pengumpulan data yang dihadapi. Ini akan dapat membantu mereka mengambil pelbagai langkah penyelesaian yang sesuai untuk mengatasi masalah pengumpulan data yang timbul. Selain itu, pencapaian objektif kajian kedua pula dapat membantu pihak SPNB memahami dengan lebih jelas tentang sebab kenapa pihak pemaju tidak memberi kerjasama kepada mereka untuk mengumpul data yang diperlukan. Ini akan dapat membantu pihak SPNB mencari langkah penyelesaian dengan berpandu kepada sebab yang dikenalpasti, supaya mendapatkan kerjasama sepenuhnya daripada pihak pemaju bagi mengatasi masalah pengumpulan data yang dihadapi.

Seterusnya, melalui pencapaian objektif kajian ketiga pula, pihak SPNB boleh merujuk kepada cadangan penyelesaian yang dikemukakan semasa mereka memikirkan langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah pengumpulan data yang dihadapi di peringkat kajian awalan. Langkah penyelesaian yang dicadangkan dapat memudahkan kerja pengumpulan data yang dijalankan dan memendekkan masa pengumpulan data yang digunakan. Akibat dari itu, masa yang digunakan untuk menjalankan kajian awalan juga dapat dipendekkan dan ini akan dapat

mempercepatkan keseluruhan proses pemulihan yang dijalankan untuk mengelakkan pelbagai masalah yang timbul akibat dari kelewatan penyiapan projek. Selain itu, apabila masalah pengumpulan data dapat diselesaikan dengan menggunakan cadangan langkah yang dikemukakan, maka projek yang hendak dipulihkan tidak akan dikeluarkan daripada pemantauan SPNB atas sebab data yang dikumpul tidak lengkap.

